

KEPENTINGAN IMPLEMENTASI AMALAN MUHASABAH MENURUT MUHASIBI TERHADAP SISWA GURU

FAUZIAH MD SAAD, NAJATI JALIL*

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia

*najatillah2020@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kepentingan implementasi amalan muhasabah pelajar siswa guru berasaskan pendekatan pembangunan kerohanian al-Muhasibi. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan dengan menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data skunder. Data primer diperolehi daripada karangan al-Muhasibi seperti *Risalah al-Mustarsyidin*, *Badu man anaba ila Allah dan riayah li huquq Allah*. Data sekunder pula diperolehi daripada tulisan tokoh-tokoh ilmuan terkini yang telah membincangkan tentang al-Imam Abu Harith al-Muhasibi dan tesis serta penulisan jurnal berkaitan al-Imam Abu Harith al-Muhasibi. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep pembangunan rohani insan berdasarkan dua pendekatan al-Muhasibi iaitu *muhasabat al-Nafs* dan *Riyadhah* dan *Mujahadah al-Nafs* kepada Allah adalah satu pendekatan yang bertunjangkan ketakwaan kepada Allah dan berpaksikan kepada beberapa metod pendidikan kejiwaan seperti diam atau *al-Sumt*, merenung dan memerhati tingkah laku jiwa dengan cara *tathbut*. Al-Muhasibi menyarankan agar insan perlu istiqomah dalam mengerjakan amalan *riyadhah* dan *mujahadah* diri. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan kerohanian al-Muhasibi sebenarnya sangat relevan dan sesuai untuk diamalkan terhadap siswa guru hari ini kerana pendekatan pembangunan kerohanian al-Muhasibi ini mampu menjadi salah satu alternatif pendekatan kerohanian seterusnya membentuk akhlak siswa guru muslim itu sendiri. Ini kerana kerohanian merupakan konstruk yang penting dalam membentuk kecerdasan emosi manusia dan mempunyai perkaitan dengan tingkahlaku manusia yang ditonjolkan dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Pendekatan kerohanian , Muhasabat dan mujahadah al-Nafs.

1. PENDAHULUAN

Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia yang berkualiti. Konsep pembangunan insan berkualiti dalam Islam adalah unik kerana ia menggabungkan aspek spiritual dan fizikal serta dunia dan akhirat. Falsafah Islam merupakan satu dari ciri keilmuan dan tamadun Islam yang tidak ketinggalan dalam menyumbang dan mengemukakan pendekatan tersendiri berkaitan pembangunan modal insan (Merita Dian et al., 2022). Orientasi kerohanian Islam seharusnya berpaksi kepada penghayatan Islam sebagai satu cara hidup yang menjadikan kepercayaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai dasar utama. Perlakuan individu Muslim perlu menjadikan nilai, akhlak dan tingkahlakunya selari dengan prinsip asas Islam yang terkandung dalam rukun Islam dan rukun iman. Amalan muhasabah merupakan salah satu teknik dalam mendidik jiwa dan rohani (Khasani, 2020). Justeru pendidikan kerohanian adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan sesuatu matlamat pendidikan berjaya dihasilkan. Kebanyakan pendekatan pendidikan pada masa kini

menyasarkan elemen pendidikan dari aspek akademik, intelektual, sains, teknologi dan kemahiran. Manakala aspek kerohanian dan kejiwaan yang menjadi asas paling utama dalam pembinaan sahsiah, adab, peribadi dan jati diri bangsa sering diketepikan (Shohana Hussin, 2020).

Pendidikan kerohanian merupakan elemen yang perlu dititik beratkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia di mana ia diberi penekanan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Najati & Fauziah, 2024). Kementerian Pelajaran Malaysia telah memasukkan elemen pendidikan Islam dan Moral di dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui penerapan nilai murni juga kemahiran insaniah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mana guru sebagai fasilitatornya. Hal ini dilakukan kerana untuk melahirkan individu yang seimbang dan pembangunan potensi secara menyeluruh dari aspek fizikal, emosi, rohani dan intelektual berdasarkan keyakinan dan kepatuhan kepada tuhan. Walau bagaimanapun, terdapat jurang amalan semasa pelaksanaan sistem pendidikan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) terutama dalam isu pembangunan domain kerohanian.

Pembangunan rohani dan emosi ini boleh diertikan dengan afektif iaitu tentang jiwa dan perasaan diri individu itu sendiri (Sabilan et al., 2018; Abdul Said, 2020). Perkembangan potensi pelajar yang menyeluruh melalui penggubalan kurikulum sekolah dari masa ke semasa bertujuan untuk melahirkan individu yang bersepadu tanpa memisahkan elemen-elemen yang terkandung dalam FPK. Selari dengan elemen merentas kurikulum yang diterapkan dalam pengajaran dalam konteks keusahawanan, Fakhurrazi (2022) berpendapat bahawa dalam konteks membangun diri rohani seorang usahawan itu memerlukan sistem kerohanian yang terdiri daripada hati, nafsu, akal dan roh perlu dibangunkan melalui kaedah bimbingan seorang guru mursyid. Berdasarkan pandangan dari guru-guru mursyid yang melihat kegagalan usahawan Melayu untuk membangunkan sistem kerohanian adalah disebabkan oleh faktor kekurangan amalan kerohanian seperti suluk, suhbab, adab, zikir, puasa, solat, zakat dan muraqabah. Untuk merungkai falsafah disebalik pembangunan diri daripada domain kerohanian dan membangunkan model konseptual proses pembangunan potensi kerohanian hendaklah melalui proses pendidikan (Rohana, 2010; Fatimah Abdullah, 2022). Hal ini penting bagi memantapkan lagi aplikasi elemen kerohanian dalam pendidikan.

Islam mempunyai pandangan tersendiri tentang manusia di mana Al-Quran sebagai sumber utama ajaran Islam. Al-Quran merupakan kitab petunjuk yang mengandungi banyak rahsia mengenai manusia, kerana Allah sebagai pencipta manusia tentunya lebih mengetahui tentang manusia dan keperluan hidup hambanya (Fatimah Abdullah, 2022). Oleh itu, sekiranya diperhalusi maksud pembangunan yang sebenar menurut Islam bukanlah material, tetapi ia adalah pembangunan kerohanian yang akhirnya akan melahirkan pembangunan kecerdasan emosi. Maka dengan sendirinya memberi kesedaran untuk melakukan kebaikan yang merupakan fitrah manusia iaitu suka kepada kebaikan yang mana unsur-unsur kesedaran dalam berkeinginan melakukan kebaikan ini merupakan entiti yang ada dalam kerohanian (Fakhurrazi, 2022). Dengan ini perlu difahami bahawa matlamat akhir pembangunan bukanlah untuk tujuan pertumbuhan material semata-mata sebaliknya ia adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi manusia agar masyarakat yang wujud kelak bukanlah dari kalangan manusia yang hanya kaya material akan tetapi miskin jiwanya, tandus sosiobudayanya dan juga gersang nilai-nilai rohaninya (Zakaria Stapa, 2014; Fatimah Abdullah, 2022).

Melihat kepada senario peningkatan bilangan individu terutamanya dalam kalangan Melayu Islam yang mengalami tekanan ini memberi kesan kepada krisis emosi dan tingkahlaku kepada golongan Melayu Islam (Abdul Said, 2020). Senario ini tidak sepatutnya dibiarkan berlarutan kerana gejala tekanan emosi ini akan mendominasi kehidupan, sikap dan tingkahlaku bakal guru yang akan dilahirkan oleh Institut Pendidikan Guru. Pembangunan semula kerohanian dalam konteks iman dan takwa bagi pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia yang rendah atau sederhana rendah dalam konteks kerohanian harus menjadi fokus utama dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pendidikan Guru Malaysia (Siti Norliana, 2011; Fatimah Abdullah, 2022; Najati, 2024). Ini kerana kerohanian merupakan konstruk yang penting dalam membentuk kecerdasan emosi manusia dan mempunyai perkaitan dengan kecerdasan emosi yang akan membentuk tingkahlaku seorang siswa guru.

Amalan dan tabiat yang menjadi rutin atau kebiasaan akan melahirkan atau menzahirkan tingkahlaku seseorang individu tersebut yang diistilahkan sebagai akhlak, di mana perkataan akhlak ini khusus pada muslim sahaja (Akhhmad, 2020; Shaik Abdullah, 2020). Akhlak adalah keadaan jiwa seseorang yang mendorongnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa melalui pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Sedangkan Al-Ghazali berpendapat bahwa akhlak adalah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa yang timbul akibat perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan (Shaik Abdullah, 2020). Anggapan umum yang selama ini ada dan berlaku, menganggap bahwa akhlak manusia hanya terkait dalam hubungan antara sesama manusia, padahal akhlak merupakan standard, ukuran, atau indikator hubungan perilaku manusia dengan manusia lain yang tertonjol dengan sendirinya ini hasil dari kecerdasan emosi yang terbina dengan sendirinya.

Kajian terhadap tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang menunjukkan bahawa keperluan utama bagi guru pelatih muslimah terhadap aktiviti kerohanian adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah sekaligus mencatat min yang tinggi iaitu 4.98 diikuti dengan hasrat mereka untuk menambah ilmu pengetahuan iaitu sebanyak 4.88 dan seterusnya untuk menambah pengetahuan mereka dalam bidang pendidikan Islam sebagai panduan hidup mencatat min 4.84, sementara item yang mendapat skor paling rendah dalam kalangan guru pelatih menyatakan keperluan mereka terhadap aktiviti kerohanian ialah kemampuan mereka menyampaikan dakwah kepada pelajar lain yang hanya mencatat min 4.42, diikuti untuk membersihkan jiwa dengan catatan min 4.65. Item pembinaan keyakinan diri pula mencatat min 4.68 sahaja.

Penyataan di atas memperlihatkan betapa kajian untuk mengenal pasti dan membangun semula kerohanian pelajar IPG dalam konteks kerohanian dan kecerdasan emosi seharusnya dikaji dan diteliti semula bagi melahirkan guru yang kompeten dari segi rohani dan emosi seterusnya akan membentuk tingkahlaku dan sikap keguruan atau akhlak itu sendiri dalam membina kekuatan jiwa seorang guru dan ia juga perlu dijadikan agenda utama dalam masyarakat guru. Tambahan pula budaya kerja dalam bidang keguruan kini penuh cabaran ditambah pula tekanan jiwa, mental dan tingkahlaku masyarakat hari ini menunjukkan dekadensi yang ketara. Tekanan yang dialami akibat daripada pensejagatan dunia dan maklumat yang melimpah ruah semakin dirasakan masyarakat dunia hari ini. Sejajar dengan perkembangan pesat yang berlaku, masyarakat Malaysia juga turut terperangkap dengan pelbagai penyakit jiwa, sosial dan mental yang kronik (Siti Norlina, 2011; Nur Saadah 2023). Justeru kajian yang dijalankan oleh Najati (2024) mendapati bahawa berdasarkan kepada rawatan yang dijalankan kepada siswa guru yang bermasalah mendapati siswa guru

memerlukan aktiviti kerohanian sebagai panduan dalam kehidupan seharian selain untuk mengisi kelompangan dalam jiwa dan emosi mereka.

2. PENDEKATAN KEROHANIAN AL-MUHASIBI

Al-Muhasibi adalah berasal dari Syaikh al-Imam al-Alim al-Zahid al-Wara Harith bin Asad al-Muhasibi r.a yang dilahirkan di Basrah pada 165H bersamaan dengan 781 M. Menurut pengkaji moden yang menyelidik tentang al-muhasibi mendapati beliau berasal dari keturunan Anzah yang diambil nama tempat tinggal di Basrah (Sahin Filiz, 2006; Najati & Fauziah, 2024). Gelaran al-Muhasibi terhadap beliau berdasarkan kesungguhan beliau dalam mempraktikkan sendiri amalan *muhasabah al-nafs* terhadap dirinya melalui analisa kejiwaan dirinya sendiri dengan sentiasa menghitung setiap goresan yang terdapat pada jiwanya, sehingga dia sangat mengetahui kehendak jiwanya. Mengenal perilaku jiwanya dan mengenal rahsia-rahsia yang tersirat di dalamnya. Amalan ini dilakukan oleh beliau secara langsung bertepatan dengan sebuah *athar* (pepatah) daripada Saidina Umar al-Khattab yang bermaksud: “*Hisbah* diri kamu sebelum kamu dihisbahkan” al-Muhasibi (1990). Al-Muhasibi telah memulakan kehidupannya di Baghdad setelah ayahnya mengambil keputusan untuk berpindah ke Baghdad dan menetap di sana hinggalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir di Baghdad pada tahun 243H bersamaan dengan 857M al-Nashar (1975).

Dalam menilai konsep pembangunan kerohanian berteraskan pendidikan kejiwaan ini, maka beliau telah menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan *muhasabat an-Nafs*, *riyadah* dan *mujahadah an-Nafs* yang menjadi asas dalam pembinaan diri Insan.

a) *Muhasabah al-Nafs*

Ianya merupakan suatu proses pemulihan jiwa dengan melihat dan merenung serta menganalisis jiwa dan tingkah laku manusia secara keseluruhan sepanjang kehidupannya sehari-hari. Konsep *muhasabat al-Nafs* yang dianjurkan oleh al-Muhasibi juga turut berbicara dalam konteks menghitung dan mengenalpasti musuh-musuh manusia yang menjadi pendorong dan penyebab jiwa insan dalam kelalaian dan kemungkaran (al-Muhasibi, 1990). Muhasabah jiwa menurut al-Muhasibi boleh dilakukan melalui dua keadaan iaitu muhasabah dalam perbuatan yang akan datang dan muhasabah dalam perbuatan yang telah lalu (al-Muhasibi, 1990; Sharifah et al., 2022).

Muhasabah dalam perbuatan-perbuatan yang akan datang ialah merenung dan memerhati tingkah laku jiwa dengan cara *tathbut*. *Tathbut* adalah cara pengendalian jiwa insan agar tidak tergesa-gesa dalam melakukan sebarang tindakan dan perbuatan yang menyimpang. Perkara sebegini sangat penting kerana cara ini dapat membantu insan mengetahui dan menyelidiki kebaikan dan keburukan sesuatu perkara terlebih dahulu. Oleh itu al-Muhasibi menyarankan agar *tathbut* itu perlu diiringi dengan ilmu pengetahuan, agar sesuatu yang bermanfaat boleh dikerjakan dan sesuatu yang mudharat perlu di tinggalkan (al-Muhasibi 1990; Sharifah et al., 2022).

Justeru berdasarkan teknik merenung dan memerhati tingkah laku jiwa agar tidak bertindak tergesa-gesa malah berfikir secara rasional sebelum bertindak kerana setiap tindakan akan meninggalkan kesan kepada diri sendiri dan orang lain (Sharidah, 2022). Apabila siswa

guru duduk di alam perguruan yang sebenar, guru semestinya mempunyai hubungan dengan pelanggannya iaitu murid-murid dan ibu bapa, maka siswa guru seharusnya menjadikan tabiat dalam berfikir dengan cara yang disarankan oleh al-Muhasibi iaitu dengan cara *tathbut* meneliti setiap kebaikan dan keburukan disamping perkara yang dilakukan tidak bercanggah dengan kehendak agama. Ini kerana menurut Dahliyah (2023) seorang guru akan menguruskan tingkahlaku anak muridnya samada tingkah laku kanak-kanak disruptif mahupun kanak-kanak tipikal.

Manakala muhasabah dalam perbuatan-perbuatan yang telah lalu pula adalah menghitung-hitung atau memuhasabah jiwa dengan cara mengambil iktibar dengan pengajaran daripada perbuatan dan tingkahlaku yang telah dilakukan sebelum itu. Jika perbuatan itu berupa dosa dan maksiat maka jiwa perlu diingatkan untuk merasa insaf dan menyesal dengan perbuatan yang tersebut seterusnya segera bertaubat kepada Allah s.w.t. Al-Muhasibi berpandangan bahawa setiap hari dari umur insan tidak lari dari melakukan dosa yang baru sama ada dari dosa anggota badan atau dosa-dosa hati (al-Muhasibi, 1990; Sharifah et l., 2022). Justeru dalam dunia pendidikan, refleksi selepas pengajaran adalah salah satu elemen yang wajib dipenuhi oleh seorang guru selepas pengajaran bagi melihat kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.

Oleh itu, pendekatan Muhasibi ini amat sesuai dipraktikkan oleh bakal guru dalam menghitung dan memuhasabah teknik pengajaran yang dijalankan dan tindakan yang telah dibuat terhadap murid mereka. Amalan penulisan refleksi ini telah ditekankan malah menjadi kurikulum di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Menurut Zarkhuan (2023), amalan refleksi merupakan komponen penting dalam penilaian praktikum di IPGM. IPGM telah menggariskan beberapa kriteria dalam amalan refleksi iaitu refleksi pada setiap pelaksanaan PdP, refleksi mingguan yang merupakan catatan jurnal ringkas berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh guru pelatih dan mengemukakan cara untuk mengatasinya dan pembinaan portfolio aktiviti yang dijalankan di sekolah semasa praktikum

Oleh yang demikian memperhitungkan dan menganalisis diri terhadap amalan, aktiviti dan perbuatan seharian memerlukan kesungguhan dan hasil daripada menganalisis diri yang dilakukan hendaklah diperbetulkan segera agar kesilapan tidak berulang lagi. Kerana konsep *muhasabat* ini memerlukan penilaian dalam menentukan corak kehidupan (Lutfi, 2000; Che Zarina Saari, 2022).

b) Riyadhah dan Mujahadah Al-Nafs

Al-Muhasibi berpandangan bahawa *riyadah* dan *mujahadah* adalah berjuang melawan segala tabiat jiwa dengan mengarahkannya untuk selalu menentang hawa nafsu dan bisikan syaitan yang sentiasa berada padanya. Kedua-dua unsur ini sememangnya sering memujuk insan untuk mencintai keduniaan dan lalai dari mengingati Allah s.w.t. (al-Muhasibi, 1990; Sharifah et l. 2022).

Sehubungan itu, al-Muhasibi berpandangan bahawa langkah pertama dalam memerangi jiwa dan sekutunya yang mempunyai gelora syahwat adalah membiasakannya dengan diam (*al-sumt*). Disamping itu, cuba menghalangnya dari hal-hal yang boleh menyibukkannya ke arah keduniaan (al-Muhasibi, 1990; Sharifah et l., 2022). Orang yang diam akan banyak menyedari kesalahan dan kelalaiannya selama ini. dengan cara ini, dia akan menyesal dengan segala kemungkaran yang dilakukan. Seterusnya hendaklah mencaci nafsunya berterusan

kerana tindakan-tindakan nafsu mendorongnya untuk melakukan kejahatan. Hal ini akan menyebabkan insan kembali mengingati perbuatan-perbuatan buruknya dan menjadikan dia merasai penyesalan yang berpanjangan. Dalam keadaan ini, hati akan mula menjadi sedih, air mata akan mula mengalir lantas lidah ringan untuk beristighfar kepada Allah s.w.t. di atas semua kejahatan yang dikerjakan selama ini. Oleh itu, dia akan bertekad untuk meninggalkan segala bentuk dosa kerana bimbang akan kemurkaan Allah (al-Muhasibi, 2003; Norain, 2018).

Seterusnya dengan banyakkannya berpuasa dan berzikir kerana nafsu akan menjadi kuat apabila makan berlebihan. Ketika merasa lapar, jiwa akan patuh dan tunduk, lantaran itu seseorang insan diberi kekuatan untuk mencela jiwanya sendiri dengan mengingatkannya dengan azab Allah s.w.t. dengan demikian dia akan mula sedar dan kembali merenung segala perbuatannya yang lalu. Senario-senario sebegini akan mendorong insan untuk mula bermunajat kepada Allah s.w.t, dengan membaca al-Quran dan menghayatinya, memahami hadis-hadis serta mula mendekatkan diri dengan pengajian-pengajian ilmu (al-Muhasibi, 2003; Norain, 2018).

Di antara usaha lain dalam amalan *riyadah* dan *mujahadah* yang boleh dilakukan adalah dengan berdebat pada nafsu seperti berdebat dengan seorang musuh yang zalim, pengkhianat yang licik dengan mengajukan bukti-bukti yang adil berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (Norain, 2018). Sentiasa menyelidiki nafsu dengan aib-aibnya, membayangkan kepedihan siksa neraka, mewujudkan sifat *khauf*. Jika nafsu melihat siksa itu dengan penglihatan akal dan mata keyakinan, maka ia tidak akan berkuasa menguasai diri manusia lalu tertunduk. Namun situasi begini belum cukup menentang nafsu kerana ia sebenarnya menjalankan agenda lain untuk memujuk manusia agar kembali lalai dengan perintah Allah s.w.t, jika keadaan sebegini berlaku maka ajukanlah hujah dan perlihatkanlah siksa kepadanya, berikanlah harapan kepadanya dengan pahala dan bukti yang meyakinkan, mintalah pertolongan kepada Allah s.w.t untuk mengatasinya, berharaplah untuk mendapat keampunan dan bertawakkal kepada Allah s.w.t. dengan mempercayainya (al-Muhasibi :1990).

Al-Muhasibi menyarankan agar insan perlu istiqomah dalam mengerjakan amalan *riyadah* dan *mujahadah* diri. Ini kerana musuh-musuh tersebut tidak pernah berpisah dengan insan lain. Ia akan terus menerus mengawasi insan hingga setiap gerakan manusia tidak akan luput dari pengawasan mereka. Mereka juga akan mengetahui apa sahaja yang hendak dikerjakan oleh manusia. Ketika seseorang akan berbuat baik, maka dia akan segera menghalanginya tanpa harus mengetahui apa yang dibicarakan oleh jiwa (al-Muhasibi 2003; Norain, 2018). Berteraskan konsep *mujahadah* dalam pendekatan kerohanian ini yang bermaksud melawan atau menentang nafsu dengan cara berjuang bersungguh-sungguh tanpa memikirkan perasaan takut, hati yang berbolak-balik terhadap aktiviti kehidupan yang didorong oleh hawa nafsu.

3. KEPENTINGAN AMALAN MUHASABAH TERHADAP SISWA GURU

Menurut Sharifah et l. (2022) spiritualiti adalah satu tunjang kekuatan dalam diri individu. Isu spiritual yang tidak diselesaikan dan dilengkapkan dalam diri seseorang individu merupakan satu krisis yang boleh menyebabkan berlaku keresahan spiritual (*spiritual distress*). Keresahan spiritual (*spiritual distress*) ialah gangguan terhadap sistem kepercayaan atau nilai yang boleh mempengaruhi kekuatan, harapan dan makna kehidupan dalam diri seseorang. Pada pandangan

Islam, keadaan keresahan spiritual ini berkait rapat dengan kecelaruan elemen kerohanian seseorang yang boleh dizahirkan melalui emosi dan perbuatan seperti muram, sedih, pilu, cemas, gelisah, tidak tenang dan sebagainya. Gangguan ini akan menyebabkan seseorang itu tidak mahu meneruskan kehidupan di dunia ini. Situasi ini boleh menyebabkan keruntuhan jiwa seorang muslim dalam mendepani cabaran dunia kini sekiranya asasnya goyah. Muḥāsabah al-nafs (*self-reflection*) adalah satu cadangan kaedah untuk merawat jiwa sekali gus meningkatkan kualiti jiwa dan membangkitkan prestasi diri. Asasnya ialah sentiasa introspeksi dan menilai diri serta kesedaran terhadap diri sebagai makhluk ciptaan Allah SWT.

Kekerapan memuhasabah diri dengan amalan dan perbuatan seharian, secara automatik diri insan itu akan sentiasa bersikap positif dengan keadaan dan insan-insan sekelilingnya walaupun ia sedang berhadapan dengan suasana negatif ini adalah hasil daripada impak dan rangsangan *muhasabat* tersebut (Sharifah et al., 2022). Menurut teori Gagner dalam bukunya *Essential Of learning for instruction* (1975) rangsangan daripada persekitaran luar diterima dalam sistem saraf melalui deria manusia, maklumat yang diterima begini disimpan dalam stor ingatan, kemudian dihantar kepada stor ingatan jangka panjang dan juga kepada penggerak tindak balas melalui sistem saraf. Justeru rangsangan sebegini akan merubah tingkah laku guru sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran pembelajaran.

Emosi guru yang positif, jiwa yang tenang akan menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan situasi ceria, harmoni dan penuh kasih sayang serta saling hormat menghormati antara murid dan guru juga antara guru dan murid (Sharifah et al., 2022; Najati & Fauziah, 2024). Hal ini sangat berkait rapat dengan kemantapan kerohanian dengan pendekatan muhasabah dan mujahadah al-Nafs iaitu dengan melawan hawa nafsu Ammarah iaitu cara berjanji dengan hati dan diri (berazam) akan memberikan pengajaran yang terbaik dengan kesabaran yang tinggi, disamping mengingatkan kepada diri bahawa mengajar ini adalah satu ibadah oleh itu dalam mujahadah al-Nafs ini ia sentiasa bersemangat dalam perjuangan hidup terutama dalam perkara-perkara ibadah, dan ibadah itu sendiri luas pengertiannya dalam kehidupan sebagai hamba Allah. Selain itu guru perlulah mengingatkan murid dengan cara melazimi teknik muhasabah dalam kehidupan seharian mereka dengan perkara dan suasana positif.

Komponen muhasabah menunjukkan pendekatan yang sederhana tinggi diamalkan oleh murid dalam pembelajaran pendidikan Islam (Mardzelah et al., 2014; Sharifah et al., 2022). Proses muhasabat melalui proses *mujahadah* dan *riyadhah al-Nafs* hendaklah dilakukan sebagai komponen peneguhan rohani iaitu penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakuka. Manakala diantara amalan peneguhan rohani adalah berdoa. Pendekatan kerohanian ini boleh berlaku secara tidak formal di dalam bilik darjah proses pengajaran dan pembelajaran, namun ia memerlukan perlaksanaan yang tekal iaitu guru hendaklah menerap dan menekankan elemen muhasabah dan *mujadah al-Nafs* dalam dirinya sendiri dan teknik muhasabah ini dilaksanakan setiap kali dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kepada murid begitu juga diri guru itu sendiri. Muhasabah dan mujahadah ini akan menghasilkan komunikasi berkesan diantara guru dan murid (Rohizani Zohir, 2007; Sharifah et al., 2022).

Menurut Sofea (2016), para ilmuan mengakui bahawa tiada kaedah yang terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan melainkan bergantung pada kebijaksanaan guru-guru (Abdullah, 1995; Ab Halim, 2012; Wan Ali, 2021). Islam sendiri telah memberikan kaedah

yang sempurna untuk diikuti.. Kaedah yang komprehensif ditunjukkan melalui hubungan antara murabbi dengan muridnya, iaitu bagaimana Allah S.W.T. melalui malaikat Jibrail A.S. menyampaikan wahyu kepada Rasulullah S.A.W. Kaedah yang boleh diambil pengajaran juga kaedah penyampaian ilmu daripada Rasulullah S.A.W. kepada umatnya. Kaedah ini dianggap paling berkesan dapat membentuk sahsiah yang rabbani (Abdullah, 1995; Wan Ali, 2021). Guru adalah faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran pelajar dan boleh mempengaruhi bagaimana hendak menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar (Asmau, 2013; Vhyshnavi, 2021). Oleh hal yang demikian guru sendiri perlu berakhlak mulia sebelum mendidik murid menjadi insan kamil, guru perlu dilatih dan diasuh dengan psikologi Islam yang meliputi tingkah laku guru untuk berinteraksi dengan murid secara kognitif, afektif dan spiritual (Hassan, 1991; Norhisham, 2021)

Oleh itu, seseorang guru perlu menguasai kemahiran komunikasi yang berkesan bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada murid semasa aktiviti pembelajaran. Umumnya, komunikasi dalam bilik darjah berlaku dalam dua bentuk iaitu komunikasi lisan atau lisan yang disampaikan menggunakan perkataan dan komunikasi bukan lisan atau bukan lisan seperti pergerakan badan, pandangan mata, mimik muka dan sebagainya (Abdullah, 2014; Hanis, 2022). Pengurusan pengajaran dan pembelajaran ialah proses merancang gaya pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai matlamat, objektif dan matlamat utama dalam pendidikan serta menentukan dan mengawal aktiviti supaya ia dijalankan seperti yang dirancang (Yahaya, 2020; Zurina Mustaffa, 2021). Jamali dan Shahrudin (2019) berpendapat bahawa komunikasi merupakan aspek atau elemen penting dalam mana-mana sistem pembelajaran di seluruh dunia. Oleh itu, hubungan komunikasi antara guru dan murid perlu dibina dengan cara yang terbaik bagi menjamin kesinambungan pendidikan seiring dengan penyampaian maklumat dan ilmu kepada murid. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti komunikasi merupakan aktiviti utama yang perlu dijalankan oleh guru dan murid bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan rentetan itu perlunya pendekatan muhasabah ini diaplikasikan oleh guru untuk guru dan oleh guru untuk murid untuk mencapai komunikasi yang positif seterusnya objektif tercapai dalam langkah transformasi diri sebagai insan guru ini komponen seperti persediaan guru, emosi guru khasnya guru muslim kerohanian merupakan paksi utama dalam mengubah tingkah laku guru dan merupakan estim sendiri dalam proses pembinaan kemenjadian guru itu sendiri.

4. IMPAK PENDEKATAN AL-MUHASIBI KEPADA MURID DAN GURU

Al-Muhasibi telah membahagikan jiwa insan kepada tiga iaitu *nafs al-ammarah*, *nafs al-lawwamah* dan *nafs al-mutmainnah*. *Nafs ammarah* dikenali sebagai jiwa yang tercela dan berada pada peringkat yang rendah dan hina (Yahaya, 2020). Jiwa pada peringkat ini selalu berdamping dengan syaitan dan hawa nafsu. Oleh kerana segala tindakan dikawal oleh nafsu dan syaitan maka ia cenderung kepada keseronokan material hingga tertarik dengan sifat buruk dan keji seperti cenderung kepada kemarahan dan ketandusan sifat lemah lembut lantaran itu hilangnya kesabaran. Jelas di sini teknik kasih sayang dalam proses pengajaran akan terhasil apabila diri seorang guru itu telah dibajai dengan ketenangan jiwa hasil daripada muhasabah terhadap tanggungjawab dirinya sebagai insan. Oleh itu, pendekatan al-Muhasibi iaitu *muhasabat* dan *riyadhah dan mujahadah al-Nafs* ini begitu relevan dan memberi kesan yang besar kepada pelajar di atas sikap dan tingkahlaku baharu guru hasil dari bermuhasabah khasnya bagi guru yang sedang berada dalam tekanan ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (Zurina Mustaffa, 2021).

Dalam konteks menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah elemen kerohanian hendaklah diterapkan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan tidak kira dalam apa jua matapelajaran (Jawandi, 2022). Contohnya jujur, amanah, kasih sayang, bertolak ansur, saling bekerjasama, tepati masa dan sebagainya kerana elemen-elemen ini merupakan komponen yang memiliki unsur-unsur ketakwaan dalam jiwa setiap insan tidak kira kanak-kanak atau dewasa. Akidah dan kerohanian adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana tanpa akidah rohani akan mengalami kegagalan. Transformasi diri sebagai insan guru berlandaskan amalan muhasabah ini memberi impak besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran apabila seorang guru itu mengenal dirinya dan tanggungjawabnya. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Md Noor (2012) berpandukan modul beliau dalam komponen mengenal diri mendapati responden berpendapat kenal diri dululah dan kenal tuhan, bila dah kenal tuhan kenal diri, maka yang lain itu dia lebih mudah mengenalinya, bila kita buat aktiviti dan kita kaitkan dengan perkara tersebut peserta akan lebih mudah memahami apa yang kita nak mereka faham dan apa yang perlu mereka lakukan dalam melaksanakan tugas seharian sebagai seorang pendidik khususnya (Md Noor, 2012; Jawandi, 2022; Najati, 2024).

5. RUMUSAN

Al-Muhasibi merupakan tokoh sufi agong pada kurun ketiga hijrah di bawah pemerintahan *Daulah Abbasiyyah*. Ternyata bahawa peribadi beliau adalah hiasan unggul ciri dalam kriteria *tasawwuf sunni* yang berpegang teguh dengan asas akidah ahli sunnah wa al-Jamaah (Merita Dian et al., 2022). Walaupun pelbagai pergolakan berlaku pada zaman kehidupan beliau, namun beliau tidak sedikitpun terpengaruh dengan suasana tersebut, bahkan beliau pula di antara tokoh yang memperjuangkan kesucian Islam di Baghdad dalam masa yang sama berusaha gigih mewarnai semula kehidupan umat Islam dalam pemahaman yang sebenar. Pendekatan kerohanian berasaskan pendekatan al-Muhasibi merupakan salah satu alat atau cara dan kaedah untuk mendidik jiwa insan guru yang relevan diaplikasikan kepada siswi guru kini (Najati & Fauziah, 2024). Manakala langkah penyelesaian kecelaruan jiwa melalui pendekatan kerohanian al-Muhasibi adalah satu proses *pentarbiyahan* jiwa insan berlandaskan takwa di mana akan ia akan menghasilkan satu tingkah laku baru untuk seorang siswa guru sebagai persediaan apabila berhadapan dengan tingkah laku murid yang negatif. Hanya insan yang bertaqwa sahaja mampu melawan segala kemarahan, kemahuan dan hasutan syaitan dan hawa nafsu yang merugikan dan menyesatkan. Insan yang terbangun dengan nilai-nilai yang mulia dan rohani yang mantap akan mendorong dirinya untuk mengecapi nikmat kebahagiaan dan keredaan Allah yang hakiki.

RUJUKAN

- Akhmad. (2020). Etika, Moral dan Akhlak. *Jurnal Religion. Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*. Universitas Lambung Mangkurat. Indonesia.
- Ahmad Fakhruddin Bin Mohammed Zabidi, Abu Yazid Bin Abdul Kadir b & Salmy Edawati Binti Yaacob. (2022). Spiritual Development of Malay Entrepreneurs in Malaysia: A Perspective from Mursyid Teachers. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol.27. USIM. Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal at-Thaqafat. UKM*.
- Ahmad Jawandi, (2022). Muhasabah Through Self Talk Techniques to Reduce Students' Anxiety in Completing The Thesis. *Jurnal Bimbingan Konseling*. Indonesia.
- Al-Muhasibi, Abu Abd Allah harith, Tahqiq Abd Qadir Ahmad Ata. (2003). *al-Wasaya*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah

- Al-Muhasibi, Abu Abd Allah Harith. Taqiq Abd Qadir Ahmad Ata' (1990). *Riayah Li Huquq Allah*. Beirut : Dar al-Kutub
- Al-Muhasibi, Abu Abd Allah Harith. Tahqiq Abd Fattah Abu Ghuddah (1971). *Risalah al-Mustarsyidin*. Beirut : *Maktabah al-Matbuah li Islamiyyat*.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. t.th. *Ihya' Ulum Din*. Jil. 1 Qahirah: Dar al-kitab al-A'rabi.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad .ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' ulum al-din*. Jil 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, Mesir.
- Ab. Halim Tamuri, (2012). Hisbah pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam. *Juornal Of Islamic And Arabic Education* 4(1).
- Dahliyah Abdul Jalil, Intan Farahana Abdul Rani. (2023). Kefahaman Dan Amalan Guru Dalam Pengurusan Tingkah Laku Disruptif Kanak-Kanak Taska Di Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol. 12. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fatimah Abdullah. (2022). Meletakkan Kerohanian dalam Dunia Kontemporari: Kerohanian Islam Vs. Kerohanian Sekular. *International Islamic Universiti Off Malaysia*.
- Hanis Najwa Shaharudin, (2021). Tahap Amalan Komunikasi Non-Verbal Dalam Pengajaran Guru Bahasa Arab Di Institut Pengajian Tinggi. *Jurnal Website*.
- Mardzelah Mahsin, Mohd. Fadhi Ilias, Mohd. Aderi Che Noh. (2014). Amalan Hisbah Kendiri dalam pendidikan Islam: Kajian terhadap murid-murid Sekolah Menengah Di Kedah. *Journal Of Islamic and Arabic Education* vol.2, Issue 1
- Mohamad Zarkhuan Zainol (2023). Hubungan Bimbingan Pensyarah Penyelia Praktikum Dengan Amalan Refleksi Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Program Pdpp Ipgm Zon Selatan. *International Journal Of Educational Research On Andragogy And Pedagogy – ijerap.com*.
- Md. Nor Saper. Tazkiyyah An-Nafs Menurut Al-Ghazali.
- Najati Jalil & Fauziah Md Saad. (2024). Pendekatan al-Muhasibi dan kesannya terhadap peningkatan kerohanian siswa guru. *Jurnal CERANA Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Hussein Onn*.
- Nur Saadah Mohamad Aun. (2023). Tahap Tekanan Emosi dan Sokongan Sosial dalam kalangan Ibu Bapa Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Social Science. UKM*
- Siti Norlina Binti Muhamad. (2011). Kaedah Psikoterapi menurut Miskawayh. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim Rohizan Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. PTS.: Kuala Lumpur.
- Sabilan, S., Mohamed Lip, S., Ishak, M. F., Zdinal Abidin, S., & Sulaiman, S. H. (2018). Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *International Conference On Moslem Society*, 1–13.
- Shohana Hussin (2020). *Spiritual Education in Turath Jawi Siyar al -Salikin*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia;
- Shaik Abdullah Hassan Mydin. (2020). Peranan Akhlak Dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sharifah Basirah Syed Mohsin, Che Zarina Saari. (2022). Self-Reflection (Muḥāsabah Al-Nafs) in Dealing with Spiritual Distress. *Jurnal Usuluddin. PPUM*.
- Sofea Mohamed. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika . Malaysia*
- Vhyshnavi A/P Kanafadzi. (2021). Tahap Kesiediaan Dan Sikap Guru Terhadap Perubahan Yang Berlaku Dalam Sistem Pendidikan: Kajian Sistematis Terhadap Artikel-Artikel Yang Terpilih. *Jurnal Dunia Pendidikan*.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Malaysia
- Zakaria Stapa. (2014). Pembanguanan Kerohanian berasaskan al-Muhasibi Dalam menangani gejala sosial masa kini. e-proceeding Of The International Conference On World Conference Of Integration Knowledge. Bandung: Indonesia, 15-16 september.
- Zurina Mustaffa. (2021). Pedagogi Terbeza Untuk Pengajaran Guru Terhadap Keperibagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 9.